



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“SOLAT PEMANGKIN KEJAYAAN”

24 Oktober 2025 / 2 Jamadil Awal 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي جَعَلَ الصَّلَاةَ عِمَادَ الدِّينِ، وَفَرَضَهَا عَلَى عِبَادِهِ الْمُؤْمِنِينَ لِتَكُونَ صَلَاةً
بَيْنَهُمْ وَبَيْنَهُ فِي كُلِّ حِينٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ
لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Mudah-mudahan kita mendapat rahmat dan keampunan Allah SWT; dikurniai kebaikan dunia – kebaikan akhirat. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

“SOLAT PEMANGKIN KEJAYAAN”

Firman Allah SWT:

﴿قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ۝۱ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ۝۲﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya telah berjaya orang yang beriman. Iaitu orang yang khusyuk dalam solat mereka”. (Surah al-Mukminun ayat 1 dan 2)

Solat dari sudut bahasa bermakna doa, manakala dari istilah syarak bermaksud, beberapa perbuatan dan perkataan yang dimulai dengan *takbiratul ihram* dan diakhiri dengan salam, menurut rukun dan syarat yang ditentukan. Solat lima waktu sehari semalam merupakan ibadah utama yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim. Solat digambarkan sebagai tiang agama, ibadah pertama yang dihisab pada hari manusia dibangkitkan. Sabda Rasulullah SAW:

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan agar bertaqwa

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ وَأَنْجَحَ
وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

Bermaksud: Sesungguhnya amalan pertama yang dihisab bagi seseorang hamba pada hari kiamat adalah solatnya. Jika baik solatnya maka berbahagia dan berjaya lah dia. Jika buruk solatnya maka kecewa dan rugilah dia.

(Hadis Riwayat at-Tirmizi)

Jemaah yang dimuliakan

Lazimnya peringkat mengerjakan solat terbahagi seperti berikut:

Pertama: Solat yang dikerjakan bukan kerana Allah SWT, tetapi dikerjakan kerana tujuan peribadi seperti mendambakan pujian atau menunjuk-nunjuk kepada manusia. Inilah sifat solat orang munafik yang wajib dijaui.

Kedua: Lalai menyempurnakan solat. Tidak mengambil berat terhadap kewajipan solat, sekadar menunaikan solat sunat Aidilfitri dan Aidiladha, serta solat fardu Jumaat, tetapi meninggalkan solat-solat fardu yang diwajibkan. Solat dilakukan sekadar ikut-ikutan, dilakukan dalam keadaan tergesa-gesa, tanpa memahami dan menghayati falsafah serta maksud solat. Inilah jenis solat yang tidak mendatangkan kesan perubahan dalam diri, tidak mendatangkan kebaikan dalam kehidupan, malah dibimbangi solat tidak mengupayakannya menjauhi maksiat.

Ketiga: Solat yang dikerjakan secara ikhlas kerana Allah SWT. Sentiasa mengutamakan solat pada awal waktu, dan solat dikerjakan dengan kefahaman dan penghayatan; menghadirkan perasaan rendah diri di hadapan keagungan Ilahi, menyerahkan seluruh kehidupan tunduk kepada kehendak Ilahi, seperti mana tubuhnya tunduk sujud ketika bersolat. Inilah ciri-ciri solat yang mendatangkan kejayaan dalam kehidupan insan

Ayat 1 dan 2 surah al-Mukminun yang khatib bacakan pada awal khutbah mengisyaratkan bahawa solat yang dilakukan dengan khusyuk serta penuh penghayatan merupakan kunci untuk meraih kejayaan hidup.

Para tetamu rumah Allah yang dimuliakan

Solat ialah pemangkin kejayaan. Solat mengukuhkan hubungan seorang hamba dengan Penciptanya. Solat yang dikerjakan membuktikan kepatuhan kepada perintah Ilahi, menjadikan hati dan akal diterangi cahaya iman - cahaya petunjuk. Solat berupaya mempengaruhi corak kehidupan, membimbing jiwa cenderung untuk menggandakan amal kebaikan, serta menjadi benteng dan pelindung mencegah seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar. Firman Allah SWT:

إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

Bermaksud: Sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan yang keji dan mungkar.
(Surah al-‘Ankabut ayat 45)

Apabila seseorang berjaya menghindari diri daripada perbuatan maksiat, keji dan mungkar, maka solat telah meluruskan perjalanan hidupnya; seiring dengan seruan azan yang dilaungkan, “*hayya ‘ala al-falah*” iaitu menyeru manusia menuju kejayaan. Mukmin yang memelihara ibadah solat membuahkan ciri-ciri murni pada perilaku dan akhlaknya. Kesannya dapat dilihat melalui pertuturan yang berhemah, gaya fikir yang matang, jiwa dan emosi yang lebih stabil, sentiasa bersifat sabar dan mengawal kemarahan, gemar melakukan amal, mendukung kebenaran, mesra dalam pergaulan, bijak mengurus waktu dan memiliki pelbagai sifat murni.

Orang yang bijak mengurus waktu ialah antara ciri orang yang berjaya dalam hidup. Istiqamah melazimkan solat pada awal waktu, di samping bijak mengurus waktu untuk urusan kerja, keluarga dan ibadah, menunjukkan orang yang berprinsip, *produktif* serta berjaya mendisiplinkan diri dengan pengurusan waktu yang betul dan tepat. Lebih terpuji, jika bijak mengurus waktu untuk solat secara berjemaah, sama ada dengan ahli keluarga di rumah atau secara berjemaah di masjid atau surau. Allah SWT berjanji akan melimpahi rahmat dan hidayah, serta kejayaan dunia – kejayaan akhirat kepada mereka yang mengutamakan Allah dalam kehidupan.

Jemaah Rahimakumullah

Mimbar memperingatkan lima perkara mengenai solat:

Pertama: Solat ialah ibadah paling utama yang memelihara keseluruhan ibadah lain. Oleh itu wajib dipelihara dan dikerjakan dengan sempurna. Solat merupakan kesempatan terbaik untuk insan memohon keampunan dan pertolongan, merintih penyesalan, mengadu kelemahan, meminta kekuatan – memohon panduan untuk mendapat keredhaan Ilahi, di samping mohon ditunjukkan *siratulmustakim*, ia itu jalan yang lurus.

Kedua: Solat ialah waktu terbaik berbanding keseluruhan waktu kerana solat menghubungkan diri insan secara langsung dengan Allah SWT. Usah terburu-buru melaksanakan solat. Hadirkan sepenuh jiwa dan perasaan, serta berikan tumpuan pada bacaan sambil membayangkan kita sedang bertutur di hadapan Allah SWT. Solat yang dikerjakan dalam keadaan tenang, menjemput kekhusyukan dan lebih mendatangkan kebaikan.

Ketiga: Tiada panggilan yang lebih utama daripada panggilan Ilahi pada saat azan berkumandang. Oleh itu tangguhkan apa juga urusan dunia dan urusan peribadi, utamakan seruan solat lalu hadir ke rumah-rumah Allah agar kita tergolong sebagai hamba Nya yang berjaya di dunia dan di akhirat. Jangan sama sekali ditangguhkan tanggungjawab melaksanakan solat, di sebaliknya amat dituntut dan hendaklah dilaksanakan pada awal waktu.

Keempat: Andai ada solat fardu yang pernah ditinggalkan, hendaklah segera menggantikannya kerana solat yang ditinggalkan dianggap berhutang kepada Allah SWT.

Kelima: Ibu bapa wajib membimbing anak-anak mendirikan solat dengan sempurna dan mereka dididik mengutamakan solat dalam kehidupan harian. Pepatah Melayu mengingatkan "melentur buluh biarlah dari rebungunya". Bimbing dan didik anak-anak bersolat apabila mencecah usia 7 tahun; dan anak-anak boleh dipukul untuk tujuan mendidik, jika tidak mendirikan solat setelah mencecah usia 10 tahun.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلِّفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

اللَّهُمَّ أَعِزَّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbulalamin! Jadikan kami dan zuriat keturunan kami dalam kalangan hamba Mu yang taat lagi patuh menunaikan solat. Jadikan hati kami terpaut untuk menunaikan solat secara berjemaah. Kurniai kami sifat khusyuk dan terimalah ibadah solat kami agar kami tergolong dalam kalangan hamba Mu yang berjaya di dunia dan di akhirat.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mukmin! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.